



E-BULETIN KKM

K A M I S E D I A M E M B A N T U

EDISI OGOS 2018

PENYAYANG • PROFESIONALISME • KERJA BERPASUKAN



- 6 | Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan Peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia - YBMK**
- 19 | Persidangan Sainifik Kebangsaan Ke-29 Institut Sains Makmal Perubatan Malaysia - YBTMK**
- 4 | 8th APEC High Level Meeting On Health and The Economy - KSU**
- 9 | Sidang Kemuncak Perubatan Malaysia 2018 - KPK**

SIDANG PENGARANG E-BULETIN KKM

Penasihat

YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Pengarang

Puan Yamuna Perimalu

Pegawai Penyelaras

Puan Nor Suraiti bt Madianuddin
Cik Mona Ang
Encik Mohd Iswandy bin Wally

Sidang redaksi e-Buletin KKM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan pengurusan tertinggi KKM dan semua bahagian di KKM yang menjayakan penerbitan e-Buletin Edisi Ogos 2018.



Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Sidang Redaksi e-Buletin KKM
Unit Komunikasi Korporat
Aras 4, Blok E7
Kementerian Kesihatan Malaysia, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya Malaysia.

Tel : 03-8883 3481 / 3675
Faks : 03-8888 6187
E-mel : mona.ang@moh.gov.my



<https://www.facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/>



<https://www.instagram.com/kementeriankesihatanmalaysia/>



<https://twitter.com/KKMPutrajaya>



SAMBUTAN HARI MALARIA SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2018

Tarikh: 5 Ogos 2018
Tempat: Perlis

D YTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis telah berangkat hadir mencemar duli ke Majlis Perasmian Sambutan Hari Malaria Sedunia. Turut hadir ialah YB Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan Malaysia dan isteri, Puan Azlin Haji Hezri di Dewan Besar Felcra Lubuk Sireh, Mukim Titi Tinggi, Perlis. Sambutan tersebut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat di Malaysia tentang penyakit Malaria bagi mencapai sasaran *World Health Organization* (WHO) iaitu “sifar malaria” menjelang tahun 2020. Kini, terdapat risiko jangkitan semula di kawasan yang telah diisytiharkan bebas malaria disebabkan oleh faktor kemasukan pekerja asing dari negara pembawa wabak malaria atau rakyat Malaysia yang bekerja di negara berisiko malaria. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berharap syarikat-syarikat perladangan dapat memastikan semua pekerja asing menjalani pemeriksaan perubatan termasuk saringan malaria mengikut polisi yang ditetapkan oleh kerajaan bagi pekerja asing yang bekerja di Malaysia. Pihak majikan juga bertanggungjawab membekalkan kelambu berubat kepada pekerja untuk melindungi mereka dari gigitan nyamuk. Bagi pekerja yang mengalami gejala malaria, mereka perlu menjalani pemeriksaan di klinik kesihatan berhampiran.





PERASMIAN PROGRAM MALAYSIA INTERNATIONAL SPORTS & FITNESS FAIR (MISFIT)

Tarikh: 3 Ogos 2018
Tempat: Kuala Lumpur

YB Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan Malaysia telah merasmikan Program *Malaysia International Sports & Fitness Fair* (MISFIT) yang memberi fokus terhadap kesedaran tentang kepentingan menjaga pemakanan dan amalan pemakanan yang seimbang dalam kehidupan seharian. YB Menteri menyarankan warga belia terutamanya agar sentiasa mengamalkan gaya hidup yang sihat dan pemakanan yang seimbang demi menjamin kesihatan tubuh badan yang sihat di samping mengelakkan penyakit tidak berjangkit.





21TH FAMILY MEDICINE SCIENTIFIC CONFERENCE 2018

Tarikh: 2 Ogos 2018
Tempat: Ipoh, Perak

YB Dr. Lee Boon Chye, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia telah merasmikan 21st Family Medicine Scientific Conference 2018 di Ipoh Convention Centre (ICC). Turut hadir ialah YBhg. Dato' Dr. Azman bin Abu Bakar, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), YBrs. Dr. Ding Lay Ming Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Perak dan Dr. Norsiah Ali, Presiden Persatuan Pakar-pakar Perubatan Keluarga Malaysia. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) komited untuk meningkatkan mutu penyampaian penjagaan kesihatan. Antara komponen penting ialah penjagaan primer yang merupakan salah satu daripada lima (5) visi untuk dicapai oleh KKM. Kini, penjagaan kesihatan lebih mudah untuk diakses, apabila hampir 90% penduduk yang tinggal dalam lingkungan 5 km dari kemudahan kesihatan yang disediakan. Perkhidmatan penjagaan primer di Malaysia telah mengambil peranan penting dalam menyediakan pendekatan penjagaan yang komprehensif dan "people centric" dalam memberikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti kepada masyarakat di Malaysia.






8th APEC High Level Meeting On Health and The Economy: Transforming Primary Health Care Through Investment, Innovation and Collaboration

Tarikh: 16-17 Ogos 2018

Tempat: Papua New Guinea

YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha (KSU) telah menghadiri 8 *APEC High Level Meeting On Health and The Economy: Transforming Primary Health Care Through Investment, Innovation and Collaboration*. Pertemuan tersebut membincangkan tentang penjagaan kesihatan utama di rantau APEC dapat dikukuhkan menerusi pelaburan, inovasi dan kerjasama. Penjagaan kesihatan primer adalah asas kepada sistem kesihatan yang berkesan dan berdaya tahan. Malaysia telah mencapai liputan kesihatan sejangkit dan telah membuat kemajuan yang luar biasa dalam meningkatkan hasil kesihatan sejak tujuh dekad yang lalu. Kementerian Kesihatan Malaysia komited untuk mempromosikan kesihatan melalui penyertaan masyarakat, penglibatan antara sektor dan memastikan pelaburan kewangan yang mencukupi dalam bidang kesihatan.





PERSIDANGAN PATOLOGI KEBANGSAAN KE-5

Tarikh: 7 Ogos 2018

Tempat: Shah Alam, Selangor

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) telah merasmikan pembukaan Persidangan Patologi Kebangsaan ke-5. Persidangan yang bertemakan “Penjagaan Berasaskan Nilai dalam Perkhidmatan Patologi” selari dengan hala tuju perkhidmatan Sistem Penjagaan Kesihatan di Malaysia. Objektif utama perubahan berasaskan nilai adalah untuk meningkatkan kualiti penjagaan pesakit sejajar dengan matlamat yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) iaitu untuk mengoptimumkan sumber dan memaksimumkan hasil serta menyediakan penjagaan berkualiti tinggi pada kos yang berpatutan dan kepuasan pesakit yang tinggi. Pakar Patologi memainkan peranan penting dalam peningkatan prestasi dan memberikan penjagaan yang berkualiti tinggi dan selamat. Adalah penting bagi setiap Pegawai Patologi untuk terus berkomunikasi sebagai ahli pasukan penjagaan pelbagai disiplin dalam apa-apa kerumitan perubatan yang berterusan.



Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan Peringkat KKM

Tarikh: 20 Ogos 2018

Tempat: IPKKM, Putrajaya



YB Dr. Dzulkefly Ahmad telah merasmikan Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan Peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang bertemakan “Sayangi Malaysiaku”. Turut hadir bersama ialah YBhg. Dato’ Seri Dr. Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha (KSU), YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) dan YBhg. Dato’ Mohd Syafiq bin Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha Kewangan TKSU(K) serta warga kerja Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia. Majlis tersebut turut dimeriahkan dengan pelancaran simbolik kemerdekaan dan juga nyanyian lagu Jalur Gemilang. YB Menteri Kesihatan menyeru warga kerja KKM agar sentiasa bersiap sedia dalam apa jua keadaan dan berkorban masa demi menyampaikan bakti kepada negara.





Excellence in Breast Cancer Therapy and Support Conference

Tarikh: 10 Ogos 2018
Tempat: Kuala Lumpur

YB Dr. Lee Boon Chye, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia telah merasmikan “*Excellence in Breast Cancer Therapy and Support Conference*” dengan dihadiri lebih 700 peserta yang terdiri daripada pakar perubatan, onkologi, jururawat kanser payudara, pesakit kanser payudara menyertai persidangan tersebut. Kanser Payudara adalah merupakan masalah utama wanita di negara maju dan membangun termasuk Malaysia. Data *National Cancer Registry of Malaysia 2007-2011* menunjukkan 1/3 daripada semua jenis kanser dalam kalangan wanita di negara ini adalah merupakan penghidap kanser payudara. Pengesanan kanser pada peringkat awal amat penting kerana ia memberi peluang untuk merawat penyakit tersebut dengan berkesan. Justeru itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyeru agar orang ramai terutamanya golongan wanita dapat menjalani ujian saringan Kanser Payudara di fasiliti-fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta.



Lawatan Kerja Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia ke Klinik Kesihatan Tawau

Tarikh: 6 Ogos 2018
Tempat: Tawau, Sabah

YBhg. Tan Sri Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara (KSN) telah mengadakan lawatan kerja ke Klinik Kesihatan Tawau, yang diiringi oleh YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha (KSU). Turut hadir bersama ialah YBhg. Datuk Dr. Christina Rundi, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah. Lawatan tersebut bertujuan untuk memantau fasiliti dan perkhidmatan kesihatan yang disediakan di hospital tersebut.





Sidang Kemuncak Perubatan Malaysia 2018

Tarikh: 19 Ogos 2018

Tempat: Kuala Lumpur



YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) telah menghadiri Sidang Kemuncak Perubatan Malaysia 2018 di Universiti Malaya. Turut hadir bersama ialah YBhg. Prof Dato' Dr. Adeeba Kamarulzaman, Dekan Fakulti Perubatan Universiti Malaya dan Dr. Pamela Lee Yew Fong, PhD dalam kesihatan global di Universiti Geneva. Sidang kemuncak tersebut dihadiri oleh 300 peserta yang terdiri daripada pelajar perubatan, graduan perubatan dan doktor junior dari 46 sekolah perubatan dari 9 negara. Topik perbincangan panel adalah "Cabaran Global yang Mempengaruhi Penjagaan Kesihatan Malaysia" dan isu-isu yang dibincangkan seperti perbandaran, masyarakat penuaan, digitalisasi, kekurangan sumber, anjakan geopolitik dan perubahan masyarakat. Kementerian Kesihatan Malaysia memberi tumpuan kepada penyelesaian dan peluang demi menghadapi cabaran kesihatan global pada masa akan datang.

Retreat YB Menteri Kesihatan bersama Pengurusan Tertinggi KKM



Tarikh: 10 Ogos 2018

Tempat: Shah Alam, Selangor

YB Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah menghadiri Retreat YB Menteri Kesihatan bersama Pengurusan Tertinggi Kementerian Kesihatan Malaysia yang turut dihadiri oleh YB Dr. Lee Boon Chye, Timbalan Menteri Kesihatan, YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha (KSU) dan YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan (KPK). YB Menteri Kesihatan telah menyampaikan amanat kepada warga kerja KKM berkenaan hala tuju kementerian dalam menerajui bidang kesihatan pada masa akan datang. Ianya merangkumi semua aspek seperti matlamat, misi dan visi jangka panjang KKM selain kemudahan di fasiliti kesihatan termasuk hospital dan klinik. Selain itu, KKM juga mengutamakan kebajikan warga kerja KKM yang melaksanakan tugas dengan penuh amanah dan tanggungjawab.





MAJLIS PERASMIAN 6TH WORLD OF INTRA VENOUS ANAESTHESIA-TGI

Tarikh: 16 Ogos 2018
Tempat: Kuala Lumpur

YB Dr. Lee Boon Chye Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia telah merasmikan Majlis Perasmian 6 *World of Intra Venous Anaesthesia-TCI* (SIVA). Pakar bius memainkan peranan penting bukan sahaja di dalam bilik pembedahan tetapi juga di unit lain seperti unit rawatan rapi, unit penjagaan kritikal serta bidang pengawalan sakit untuk pesakit kritikal. Ini terbukti menurut YB Dr. Lee bahawa kejayaan pembedahan merupakan kerjasama antara pakar bedah bersama kepakaran bius atau 'anestesiologi' seiring dengan perkembangan teknologi pembedahan dan perubahan negara

ini yang semakin maju. Kesemua pembedahan memerlukan pakar bius seperti pembedahan biasa, ortopedik, neurosurgery dan lain-lain.





Majlis Malam Mesra Sayangi Malaysiaku

Tarikh: 5 Ogos 2018

Tempat: Tawau, Sabah

YBhg. Tan Sri Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha (KSN) telah merasmikan Majlis Malam Mesra Sayangi Malaysiaku sempena sambutan Jubli Emas 50 Tahun Hospital Tawau. Turut hadir ialah YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha (KSU), YBhg. Datuk Dr. Christina Rundi, Pengarah JKN Sabah dan Dr. Norlimah binti Arsad, Pengarah Hospital Tawau. Majlis tersebut bertujuan menyemarakkan semangat cintakan tanah air dan bersedia berkhidmat demi

negara. KSN dalam ucapannya telah menyatakan bahawa penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat adalah antara contoh terbaik ke arah kesejahteraan dan kesihatan rakyat secara keseluruhannya.



Simposium Pembedahan Pulau Pinang 2018



Tarikh: 10 Ogos 2018
Tempat: Pulau Pinang

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) telah menyampaikan ucap tama dan merasmikan Simposium Pembedahan Pulau Pinang 2018. Turut hadir bersama ialah YBhg. Dato' Dr. Wan Mansor Bin Hamzah, Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang dengan bertemakan "*Nurturing New Hands*" yang telah dihadiri oleh 400 pakar bedah dan pakar bedah pelatih. Antara lainnya dalam ucapan beliau menegaskan, inovasi baru dan penyelesaian pintar telah membuka jalan kepada cara baharu. Konsep tersebut telah memberi tumpuan kepada pembedahan kompleks yang lebih mudah dan praktikal supaya ia dapat dilakukan dalam persekitaran yang paling asas dimana ia boleh akses kepada penjagaan bedah asas walaupun di kawasan terpencil. Konsep tersebut kemudiannya dapat direplikasi di peringkat antarabangsa, terutama di negara-negara membangun dengan bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan sejajar dengan matlamat ke-17 Pembangunan Mampan oleh United Nation.





MAJLIS DIALOG BERSAMA WARGA JKN KELANTAN

Tarikh: 14 Ogos 2018

Tempat: Pasir Mas, Kelantan

YB Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah mengadakan Majlis Dialog bersama Warga Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKN), Hospital Pasir Mas, Kelantan. Majlis tersebut telah diadakan bertujuan untuk membincangkan isu semasa, cadangan dan penambahbaikan yang diperlukan untuk perkhidmatan kesihatan

termasuk fasiliti kesihatan dan juga kebajikan warga kerja Kementerian Kesihatan Malaysia di hospital tersebut. Segala isu yang dibangkitkan serta cadangan penambahbaikan akan diambil kira bagi memastikan perkhidmatan dan fasiliti kesihatan sentiasa menjadi keutamaan demi kesejahteraan rakyat.





Mesyuarat Saintifik Tahunan Ke-19 Malaysian Association for Thoracic and Cardiovascular Surgery

Tarikh: 11 Ogos 2018

Tempat: Selangor

YB Dr. Lee Boon Chye, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia telah merasmikan Mesyuarat Saintifik Tahunan Ke-19, *Malaysian Association for Thoracic and Cardiovascular Surgery (MATCVS)*. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Seri Dr. Mohd Azhari Yakub, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Jantung Negara dan YBrs. Prof Dr. Raja Amin Raja Mokhtar, Presiden *Malaysian Association for Thoracic and Cardiovascular Surgery (MATCVS)*. Mesyuarat yang melibatkan 400 perwakilan termasuk doktor, jururawat, pakar dan kakitangan paramedik dari dalam dan luar negara telah hadir untuk bertukar pengalaman, idea dan membincangkan kemajuan teknologi terkini dalam Pembedahan Kardiotoraksik. Antara isu yang dibincangkan adalah mengenai kemajuan terkini dalam kepakaran, penyelenggaraan penjagaan pesakit yang berkualiti tinggi dan latihan generasi pakar bedah dalam bidang pengkhususan tertentu.



Lawatan tapak projek naik taraf Hospital Tawau

Tarikh: 6 Ogos 2018
Tempat: Tawau, Sabah

YBhg. Tan Sri Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara telah turun padang menyaksikan tapak projek naik taraf Hospital Tawau yang diiringi oleh YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha (KSU). Lawatan tersebut bertujuan untuk meninjau keadaan semasa dan perkembangan projek yang sedang dijalankan. Projek naik taraf tersebut merupakan antara usaha Kementerian Kesihatan Malaysia dalam usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan serta fasiliti kesihatan kepada rakyat. Beliau menambah, setelah projek tersebut siap, ianya akan memberi manfaat kepada rakyat sekitarnya dan juga kepada rakyat secara amnya. Secara tidak langsung, hospital tersebut akan dapat mengurangkan kesesakan selain memberikan keselesaan dan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada rakyat.





BENKEL PEMBENTANGAN INTEGRASI PENJAGAAN KESIHATAN

Tarikh: 3 Ogos 2018

Tempat: Putrajaya

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) telah menghadiri bengkel pembentangan integrasi penjagaan kesihatan dan bengkel konsultasi yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Tinggi New Zealand. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Dr. Hj Rohaizat bin Hj. Yon, Pengarah Bahagian Perancangan Kementerian Kesihatan Malaysia. Dalam bengkel tersebut, KPK telah menyuarakan bahawa Malaysia perlu menghadapi banyak cabaran bukan sahaja beban ganda penyakit tidak berjangkit dan kemunculan semula penyakit berjangkit malah Malaysia adalah negara yang mempunyai sistem penjagaan kesihatan awam yang bergantung kepada sumber yang terhad. Antara isu yang dibincangkan adalah pasaran integrasi global dan keadaan teknologi integrasi sejarah. KPK juga berpeluang mempelajari mengenai *Centralized Repository of Medical Readiness System (CENTROMERES)* yang dibangunkan oleh Angkatan Tentera Malaysia dan sedang dilaksanakan secara berperingkat.





Seminar Perubatan Integratif

Tarikh: 14 Ogos 2018

Tempat: USM, Kubang Kerian, Kelantan

YB Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah memberikan ucap tama dalam Seminar Perubatan Integratif. Seminar tersebut bertemakan Ke Arah Kelestarian Kesihatan. Seminar tersebut bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat menerusi perubatan integratif. Pelaksanaan *Integrative Medicine* di Malaysia menjadi satu visi jangka panjang yang memerlukan penelitian dan perancangan yang rapi bagi memastikan amalan perubatan integratif diterima baik dan menjadi sebuah bidang amalan perubatan yang matang dan memberikan manfaat kepada semua.

MALAYSIAN INSTITUTE OF MEDICAL LABORATORY 29TH NATIONAL SCIENTIFIC CONFERENCE IN CONJUNCTION WITH THE 30TH ANNIVERSARY "TRANSFORMING THE NATION'S HEALTH THROUGH ADVANCEMENT IN MEDICAL LABORATORY SCIENCE" AUGUST 2018 KUALA LUMPUR



PERSIDANGAN SAINTIFIK KEBANGSAAN KE-29 INSTITUT SAINS MAKMAL PERUBATAN MALAYSIA

Tarikh: 1 Ogos 2018

Tempat: Kuala Lumpur

YB Dr. Lee Boon Chye Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia telah merasmikan Persidangan Saintifik Kebangsaan Ke-29 Institut Sains Makmal Perubatan Malaysia (MIMLS) di Hotel Istana, Kuala Lumpur. Turut hadir ialah Dr. Yang Man-gil, Pengerusi AAMLS, Dr. Arni binti Talib, Ketua Perkhidmatan Patologi Kebangsaan Kementerian Kesihatan Malaysia dan Encik Badarul Zaman Bin Abdul Aziz, Mantan Presiden MIMLS. Persidangan yang bertemakan "Transformasi Kesihatan Negara Melalui Perkembangan dalam Sains Makmal Perubatan" tersebut telah berlangsung selama tiga hari bersempena dengan sambutan ulangtahun MIMLS ke-30. Sepanjang pembabitatan profesion makmal perubatan ini telah berkembang menjadi golongan profesional kesihatan bersekutu sejak penubuhan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) Kuala Lumpur pada tahun 1900. Selain itu, peranan ahli-ahli profesional makmal perubatan dilihat penting sebagai rujukan untuk para doktor terhadap keputusan ujian yang dihasilkan untuk membuat diagnosis dan memberi rawatan kepada para pesakit.





KEMENTERIAN
KESIHATAN MALAYSIA

Sayangi
Malaysiaku



Selamat **Menyambut**
Hari Kebangsaan
2018

#sayangimalaysiaku

YB Dr Hj Dzulkefly Ahmad
Menteri Kesihatan Malaysia


WORLD PHARMACISTS DAY 2018

• MIRI, SARAWAK •

8TH SEPTEMBER 2018

10.00 AM - 4.00 PM

COME & JOIN US AT 1ST FLOOR (NEW WING), BINTANG MEGAMALL



PHARMACISTS: YOUR MEDICINES EXPERTS

Answer & Win Contest



Guess the cost of the returned medications

GRAND PRIZE IS WAITING FOR YOU!!!

For any inquiries,
please contact
Mdm Eileen
(085-421450)

Mr CL Su
(012-8773930)

JOINTLY ORGANIZED BY



SPONSORED BY

Bintang MEGAMall



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Aras 4, Blok E7, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62590 Putrajaya Malaysia.

2018